

Media Title : Kosmo
Headline : Sehari kena tipu RM200,000
Date : 25 October 2024
Section : Negara!
Page : 15



Orang Melaka kerugian RM61 juta selepas terpedaya penipuan online **Sehari kena tipu RM200,000**

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**

MELAKA – Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) kontinjen negeri ini merekodkan nilai kerugian terkumpul melebihi RM61 juta melibatkan jenayah scammer sejak tahun ini, dengan purata kerugian RM200,000 sehari.

Jumlah itu didedahkan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Mohd. Noor Helmy Abdul Halem melalui hantaran di Facebook bagi mengingatkan rakyat Melaka agar tidak menjadi tamak sehingga menjadi mangsa scammer.

Katanya, secara purata, penduduk Melaka mengalami kerugian RM200,000 sehari selepas terpedaya dengan skim cepat



kaya meskipun pelbagai program kesedaran sudah dilakukan oleh Polis Kontinjen Melaka.

"Mengikut rekod JSJK Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, jumlah terkumpul daripada mangsa penipuan setakat semalam berjumlah RM61,644,080.46.

"Angka itu menunjukkan trend peningkatan sekitar lebih RM200,000 sehari apabila rekod pada tiga hari sebelumnya adalah

RM61,073,897.07, RM61,200,957.07 dan RM61,424,860.12," tulisnya dalam hantaran semalam.

Ujarnya, kegiatan jenayah itu bagaimanapun turut melibatkan beberapa penipuan lain termasuk tawaran kerja kosong, pembelian barang dan percintaan dalam talian.

"Ni scammer serba serbi. Scammer pelaburan, bayar kerja kosong, beli barang, scammer cinta dalam talian.

"Tolonglah rakyat jangan mudah sangat terpedaya dan tamak haloba sebaliknya sentiasalah semak sebelum membeli selain berbincang dengan dengan ahli keluarga jika merasakan ada yang tak kena," tulisnya.



MOHD. NOOR HELMY